

kerjasama yang lebih erat dapat di wujudkan, di kalangan semua pihak yang terlibat di dalam siaran-siaran rancangan, baik di kalangan pegawai-pegawai RTM sendiri, mahupun di antara mereka dengan artis-artis atau pengusaha-pengusaha tempatan.

11. Saya sedar, bahawa dengan kemajuan teknologi yang moden, kecenderungan orang ramai lebih tertumpu kepada siaran TV, daripada siaran radio. Tetapi kita mestilah ingat, bahawa masih ramai lagi rakyat jelata yang mengikuti siaran radio. Oleh itu, janganlah hendaknya dipermudah-mudah atau di abai-abaikan peranan radio, kerana media ini, adalah menjadi alat perhubungan yang amat berkesan, diantara Kerajaan dengan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah. 13/-